

23/11/2003

Azwan beraya bersama artis popular

Zubir Mohd Yunus

DARI segi penerbitan, Cit Cat Azwan (CCA) kini memasuki tahun keenam dan sudah empat kali Azwan Ali Productions (AAP) menganjurkan Parti Cit Cat (PCC) yang mengambil lokasi di Seban Resor, Johor; Desaru, Johor; Coral Beach Resor, Kuantan, Pahang dan tahun lalu di Sungai Petani, Kedah.

Terbaru, syarikatnya mengesahkan penganjuran PCC yang memasuki tahun kelima secara besar-besaran pada 21 dan 22 Februari depan di Royal Adelphi (dulu dikenali Hilton Seremban), Seremban, Negeri Sembilan.

Tema PCC Ulang Tahun Ke-5 ialah 'Jang... oh Jang', selain mendapat sokongan penuh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Sembilan.

Selain itu, dari segi penggambaran luar negara, CCA pernah menjelajah ke Sumatera Barat membawa M Nasir pada 2000; Erra Fazira dan Syafinaz Selamat (Pulau Phuket, Thailand / 2001) dan empat artis terkenal dan sensasi tanah air seperti Datuk Sharifah Aini, Amy Mastura, Jeslina Hashim dan Ezlynn ke Perth, Australia, Julai lalu.

Lima episod menarik Cit Cat Perth yang menampilkan pelbagai lokasi sekitar Perth seperti Fremantle, Caversham Wildlife Park, Tumbulgum Farm, Kings Park, Lake Monger, Swan River dan Pinnacles and Nambung National Park bakal disiarkan di Astro Ria mulai 3 Disember depan.

Bersama pencapaian cemerlang CCA, pastinya pelanggan Astro mengharapkan AAP terus menyambung musim terbarunya, namun masih ada pihak yang mempertikaikan ia sebuah rancangan yang tidak menawarkan sebarang manfaat. Apa kata Azwan?

"Sedangkan Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) yang menabur jasa bagaikan segunung emas, masih ada rakyat yang tidak menghargainya inikan pula sekelumit jasa Azwan Ali kepada dunia penyiaran khasnya hiburan TV.

"Sekiranya benar CCA tidak membawa manfaat, rugi besarlah pelanggan Astro yang amat saya sayangi," kata Azwan yang masih belum pasti sama ada CCA musim kelapan bakal diteruskan atau sebaliknya.

Pun begitu, Azwan lebih berminat mempromosikan Cit Cat Raya 2003 (CCR03) berbanding melayan kritikan negatif segelintir pihak yang seperti tidak berpuas hati dengan karya seninya selama ini.

Kata Azwan, CCR03 dijadual menemui peminat pada Hari Raya pertama jam 11.30 pagi selama satu jam menerusi Astro Ria dan ulangannya pada Hari Raya kelima (11.30 pagi) dan Hari Raya ketujuh (10 pagi).

"Saya amat berpuas hati dengan sentuhan CCR03. Dari segi penyertaan artis, saya berjaya menampilkan dua diva unggul iaitu Datuk Sharifah Aini dan Anita Sarawak yang memberikan kerjasama di luar jangkaan saya, selain komitmen cemerlang bintang jelita Lux seperti Amy Mastura dan Ezlynn.

"CCR03 diperkuat dan dipadatkan lagi dengan kemunculan bintang baru seperti Hazami dan Waheeda, selain lakonan mencuit hati Apek Senario dan Sheila Rusly. Turut serta ialah bintang VCD (cakera padat video) Cinta Tiga Musim seperti Aqasha dan Ako Mustapha.

"Dua puluh peratus bahan CCR03 menampilkan sambutan Syawal artis Cit Cat Perth bersama masyarakat Islam di Masjid Al-Hidayah, Hepburn, Perth, selain ucapan Aidilfitri daripada rakyat dan pelajar Malaysia yang masih menuntut di Western Australia University, Perth.

"Rakaman CCR03 turut mendapat tajaan utama dari Hotel Mutiara Kuala Lumpur dengan nilai tajaan Royal Suite kira-kira RM15,000 sehari, di samping adegan suasana raya di kampung menjalani penggambaran di Kampung

Jawa, Batu 18, Labu, Negeri Sembilan," terang Azwan bersungguh-sungguh.

Pun begitu, Azwan sering menampilkan isu kontroversi dalam kebanyakan episod CCA dan adakah dia sengaja mengambil kesempatan menjaja keaiban orang untuk tatapan umum?

"Sudah menjadi lumrah kehidupan manusia, kontroversi artis lebih mendapat tempat di hati mereka, berbanding kerjaya seni. Justeru, saya mengambil kesempatan menonjolkan budaya suka menjaga tepi kain orang ini dengan niat memberi sedikit peluang kepada artis berkenaan membersihkan segala cerita nista mereka.

"Namun, saya tidak pernah berniat untuk mengaibkan masyarakat artis, malahan berusaha memartabatkan mereka di hati peminat," kata Azwan berterus-terang.